

29/05/2003

Pakej bantu rakyat tempuhi waktu sukar

Tan Sri Lee Lam Thye

PAKEJ Strategi Baru ekonomi bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad boleh merangsang ekonomi negara dan membantu rakyat Malaysia menempuhi waktu yang sukar dan meringankan kesan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), perang Iraq dan keadaan ekonomi dunia yang agak lesu.

Penekanan terhadap empat strategi utama yang mengandungi 90 langkah membantu merangsang ekonomi amat diperlukan bagi menolong pelbagai sektor menangani masa yang sukar ini.

Bonus setengah bulan kepada kakitangan kerajaan, pengecualian cukai kepada hotel dan restoran mulai 1 Jun hingga 31 Disember depan akan membantu lebih banyak perbelanjaan dan meningkatkan kegiatan ekonomi.

Saya juga mengalu-alukan dan menyambut baik pemberian elaun kritikal sebanyak RM400 kepada doktor dan RM200 kepada kakitangan perubatan mulai 1

April lalu. Mereka sememangnya layak menerima elaun itu kerana terpaksa bekerja dalam keadaan yang amat berisiko berdepan wabak SARS.

Peruntukan RM100 juta kepada pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan kebersihan dan tandas awam perlu disegerakan bagi memastikan kebersihan, terutama meningkatkan keadaan kebersihan tandas awam.

Jika tandas awam kita tidak bersih, ada kemungkinan membawa virus atau wabak yang boleh menyebabkan kematian seperti SARS.

Namun begitu, adalah perlu pihak awam atau orang ramai menggunakan tandas dengan baik dan memastikan tahap kesihatan yang tinggi setiap masa.

Dengan peruntukan yang bakal diberikan, semua PBT perlu bergerak sepenuhnya mendidik dan meningkatkan kesedaran kebersihan.

Peruntukan RM1 bilion bagi kemudahan jaminan bantuan khas untuk membantu sektor pelancongan dan diskaun lima peratus bil elektrik bulanan bagi operator hotel amat perlu bagi membantu sektor yang menerima kesan teruk akibat wabak SARS.

Dengan pengenalan pakej strategi baru ini, pemantauan perlu dilakukan bagi memastikan ia menepati objektifnya.

TAN SRI LEE LAM THYE,

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh).